

BAB 4

PENGANALISISAN DATA

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penyelidik menganalisis faktor sosiobudaya yang mempengaruhi fenomena penukaran kod berdasarkan maklumat yang diperolehi dari soal selidik. Selain itu, penyelidik juga menganalisis faktor-faktor dan fungsi-fungsi penukaran kod dalam kalangan guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Vivekananda, Brickfields, Kuala Lumpur. Kekerapan peringkat penukaran kod iaitu pada peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat dibincang berdasarkan profil sampel, pilihan bahasa mereka. Penyelidik juga mengesan pola-pola penukaran kod dari data kajian.

4.2 Sampel

Di sekolah ini terdapat 26 orang guru dan 23 orang daripada mereka adalah guru tetap dan 3 orang guru adalah guru sandaran yang tidak terlatih. Daripada 26 orang guru, 6 orang guru dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel telah diterangkan dengan lebih jelas dalam bab 3 bahagian 3.4. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sains. Maka, 6 orang guru yang mengajar mata pelajaran Sains dari tahun 1 hingga tahun 5 dipilih sebagai sampel kajian. Penyelidik menggunakan abjad bagi merujuk sampel kajian yang dipilih. Abjad digunakan untuk merujuk sampel kajian dan abjad-abjad ini tidak mempunyai sebarang maksud yang tertentu. Ini adalah untuk merahsiakan latar belakang responden kajian ini. Di SJK(T) Vivekananda, terdapat 2

kelas dalam tiap-tiap tahun iaitu dari tahun satu hingga tahun enam. Contohnya, tahun satu dikenali sebagai 1 Paramahamsar dan 1 Vivekananda. Nama-nama ini diberikan berdasarkan nama swami Vivekananda dan gurunya . Ramakrishna Paramahamsar. Murid-murid kelas Paramahamsar lebih pandai berbanding dengan murid-murid kelas Vivekananda. Seterusnya, latar belakang sampel kajian ini dipaparkan dalam jadual 4.1.

Jadual 4.1 : Latar Belakang Sampel

Sampel kajian	Bahasa Ibunda	Jantina	Umur	Mata Pelajaran diajar	Tahap Latihan Iktisas
A	BT	Lelaki	29	BT SN PJK	Diploma
B	BT	Perempuan	32	SN BT SV	Diploma
C	BT	Perempuan	30	BT SN BM	Diploma
D	BT	Perempuan	30	BI BM SN	Diploma
E	BT	Perempuan	29	BI SN MT	Diploma
F	BT	Lelaki	31	SN BT KT	Diploma

BT - Bahasa Tamil, SN – Sains, PJK - Pendidikan Jasmani Kesihatan, SV – Sivik,
 BM - Bahasa Melayu, BI – Bahasa Inggeris, MT – Matematik, KT – Kajian Tempatan

Jadual di atas menunjukkan dua sampel guru lelaki dan empat sampel guru wanita dalam lingkungan umur antara 29 hingga 32 tahun. Kesemua sampel menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda. Selain itu, mata pelajaran yang diajar oleh guru-guru tersebut juga dicatatkan dalam jadual di atas. Sampel B dan F mengajar mata pelajaran Sains sebagai mata pelajaran utama manakala, sampel A, C, D dan E pula mengajar mata pelajaran Sains sebagai mata pelajaran kedua. Tambahan pula, sampel A, B, C, D, E dan F juga mengajar mata pelajaran bahasa Tamil, Pendidikan Jasmani Kesihatan, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Sivik, Kemahiran Hidup, Matematik dan Kajian Tempatan. Kesemua sampel memerolehi latihan iktisas pada peringkat Diploma Pendidikan. Kesemua sampel mempunyai pengalaman mengajar lebih dari enam tahun. Latar belakang sampel menunjukkan mereka adalah pemilihan yang sesuai oleh penyelidik dalam kajian ini.

Jadual 4.2 : Penguasaan Bahasa Oleh Sampel

Bahasa Penguasaan	Bahasa Melayu			Bahasa Inggeris			Bahasa Tamil		
	Pe	Pm	L	Pe	Pm	L	Pe	Pm	L
Sampel									
A	B	B	B	B	S	B	B	B	B
B	B	B	B	B	B	S	B	B	B
C	B	B	B	B	S	B	B	B	B
D	B	B	B	B	B	B	S	S	B
E	B	B	B	B	B	B	S	S	B
F	B	B	B	B	B	B	B	B	B

Penguasaan : Pm - Pemahaman, Pn - Penulisan, L - Lisan

L – Lemah

S – Sederhana

B – Baik

Berdasarkan jadual di atas, kesemua sampel menguasai bahasa Melayu dengan baik pada peringkat lisan, pemahaman mahupun penulisan. Manakala dalam bahasa Inggeris pula, semua sampel menguasai bahasa Inggeris pada ketiga-tiga peringkat kecuali sampel A dan C iaitu sederhana dalam penulisan dan sampel B pula tidak berapa mahir dalam lisan. Dari segi bahasa Ibunda iaitu bahasa Tamil, cuma sampel D dan E sahaja sederhana dalam penguasaan bahasa Tamil pada peringkat pemahaman dan penulisan. Manakala, sampel-sampel yang lain menguasai bahasa Tamil dengan baik pada peringkat lisan, pemahaman dan penulisan. Secara ringkas boleh dikatakan kesemua sampel fasih menggunakan bahasa Melayu, bahasa Inggeis dan juga bahasa Tamil dalam pertuturan dan penulisan.

4.2.1 Penggunaan Bahasa Sampel

Latar belakang sampel jelas menunjukkan bahawa, kesemua sampel berkebolehan dalam penggunaan lebih dari satu bahasa. Walaupun sampel menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa Ibunda namun mereka juga telah mahir dalam penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan ketiga. Sampel juga menggunakan ketiga-tiga bahasa tersebut dalam perbualan harian. Maka, penyelidik telah mengkaji penggunaan pelbagai bahasa oleh sampel dalam pelbagai situasi komunikasi. Penyelidik memilih beberapa situasi komunikasi seperti perbualan antara Ibu bapa, suami/isteri, dengan anak-anak dan juga saudara oleh sampel; bagi mengetahui kekerapan bahasa yang digunakan oleh sampel. Seterusnya, jadual 4.3 menjelaskan bahasa yang digunakan oleh sampel dalam pelbagai situasi.

Jadual 4.3 : Penggunaan Bahasa Oleh Sampel.

Perbualan sampel Dengan Ahli Keluarga		B. Melayu				B. Inggeris				B. Tamil			
	(Bil.Sampel)	TP	J	KK	K	TP	J	KK	K	TP	J	KK	K
Ibu bapa		5	1			1	2	3			2	4	
Suami / Isteri			4	2					6			2	4
Anak			2	4			1	2	3		1	2	3
Saudara				5	1				6				6

TP - Tidak pernah J - Jarang K - Kadang kala KK - Kerapkali

Jadual 4.3 menunjukkan 4 sampel kerapkali menggunakan bahasa Tamil apabila berbual dengan Ibu bapa. Namun ada dua orang sampel kadangkala menggunakan bahasa Inggeris sewaktu berbual dengan Ibu bapa. Seterusnya, kesemua sampel lebih kerap menggunakan bahasa Tamil dan bahasa Inggeris sewaktu berkomunikasi dengan pasangan. Hanya dua sampel sahaja kadangkala menggunakan bahasa Tamil semasa komunikasi dengan pasangan iaitu suami atau isteri. Data menunjukkan, empat sampel lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan anak mereka. Hal ini kerana, mungkin sampel-sampel tersebut ingin mendedahkan anak-anak mereka menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua supaya mereka boleh fasih menggunakan bahasa tersebut. Ada juga dua sampel yang kerapkali menggunakan bahasa Tamil.

Jika diteliti jadual di atas, didapati sampel-sampel kajian tidak memberi penumpuan kepada bahasa Melayu kerana mereka jarang menggunakan bahasa Melayu sewaktu berkomunikasi dengan ibu bapa, antara pasangan suami atau isteri mahupun dengan anak-anak. Namun semasa berinteraksi dengan saudara, hanya seorang sampel sahaja kadangkala menggunakan bahasa Melayu. Manakala, sampel-sampel yang lain pula kerap kali menggunakan bahasa Tamil dalam komunikasinya. Ini kerana sampel-sampel tersebut berkomunikasi dengan bahasa ibunda sendiri iaitu bahasa Tamil. Selain bahasa Tamil, kesemua sampel juga menggunakan bahasa Inggeris semasa komunikasi dengan saudara.

4.2.2 Penggunaan Bahasa Oleh Sampel di Tempat Kerja

Penyelidik juga mengkaji penggunaan bahasa oleh sampel di tempat kerja melalui borang soal selidik. Penggunaan bahasa oleh sampel di tempat kerja dibahagikan kepada empat kategori iaitu sewaktu komunikasi dengan rakan sejawat, semasa komunikasi dengan majikan, Ibu bapa pelajar dan juga dengan orang luar. Sampel-sampel telah menjawab soalan pada bahagian ini dalam borang soal selidik. Penggunaan bahasa di tempat kerja oleh sampel-sampel kajian ditunjukkan dalam jadual 4.4.

Jadual 4.4 : Penggunaan Bahasa Oleh Sampel di Tempat Kerja.

Perbualan sampel dengan pihak lain	B. Melayu				B. Inggeris				B. Tamil			
	TP	J	KK	K	TP	J	KK	K	TP	J	KK	K
Rakan Sejawat (Bil.Sampel)	5	1				3	3			6		
Majikan	3	1	2			2	4			6		
Ibu bapa Murid			6			6				6		
Orang Luar (Berbangsa India)			6			6				6		

TP- Tidak pernah J- Jarang KK- Kadang kala K- Kerapkali

Berdasarkan jadual di atas, didapati kebanyakan sampel lebih kerap menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Tamil semasa komunikasi dengan rakan sejawat. Ada juga sampel kadangkala menggunakan bahasa Inggeris. Hal ini telah pun dibincangkan dengan jelas dalam 4.2.1. Seterusnya, semasa berkomunikasi dengan pihak majikan terdapat seorang sampel jarang menggunakan bahasa Melayu. Begitu juga dua orang sampel kadangkala menggunakan bahasa Melayu dan tiga orang lagi kerapkali menggunakan bahasa Melayu semasa berinteraksi dengan majikan. Namun, kesemua sampel didapati menggunakan bahasa Tamil semasa berinteraksi dengan pihak atasan. Ini kerana sampel lebih gemar menggunakan bahasa Ibunda walaupun dalam situasi rasmi. Mereka juga menggunakan bahasa Inggeris pada keadaan yang tertentu. Semasa berinteraksi dengan Ibu bapa murid sekolah tersebut, kesemua sampel kajian lebih kerap menggunakan bahasa Tamil. Ini kerana kebanyakan ibu bapa murid-murid sekolah tersebut tidak berpendidikan. Justeru sampel mengalami kesukaran untuk berinteraksi dalam bahasa selain daripada bahasa

Tamil. Namun begitu, ada juga sampel kadangkala menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mengikut keselesaan ibu bapa murid sekolah tersebut. Selain daripada itu, semasa berkomunikasi dengan orang luar berbangsa India kesemua sampel menggunakan bahasa Tamil. Ini menunjukkan penggunaan bahasa Tamil diberi keutamaan semasa berkomunikasi sesama kaum di sekolah Tamil. Walaupun demikian, tidak ketinggalan juga sampel-sampel kajian ini kadangkala menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sewaktu berkomunikasi dengan orang luar yang bukan berbangsa India.

4.2.3 Faktor-faktor yang Menyebabkan Sampel Menukar Kod

Penyelidik juga mengemukakan beberapa faktor dalam borang soal selidik, mengenai penukaran kod oleh sampel kajian semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Para sampel diberi arahan memilih faktor-faktor yang menyebabkan mereka menukar kod. Sampel juga diberi kelonggaran dalam pemilihan jawapan di mana seorang sampel boleh memilih lebih daripada satu faktor. Cara ini membolehkan sampel memilih faktor-faktor sebenar yang menyebabkan mereka menukar kod dalam pengajaran dan pembelajaran. Faktor-faktor yang dikemukakan oleh penyelidik dalam borang soal selidik adalah berdasarkan kepada pandangan dan dari dapatan pengakaji-pengakaji luar negara dan tempatan yang telah menjalankan kajian dalam bidang penukaran kod dari aspek sosiolinguistik. Maka, penyelidik menggunakan dapatan mereka sebagai panduan bagi mencari faktor sebenar sampel-sampel dalam kajian ini menukar kod dalam pengajaran dan pembelajaran. Jadual 4.5 secara ringkas menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan sampel-sampel dalam kajian ini menukar kod.

Jadual 4.5 : Faktor-faktor yang Menyebabkan Sampel Menukar Kod

Bil	Faktor-faktor yang Menyebabkan Penukaran Kod	Sampel
1	Telah menjadi perkara biasa	A , B
2	Terpengaruh dengan bahasa/dialek oleh orang yang bertutur	-
3	Bagi mewujudkan suasana mesra	C, D, E
4	Untuk menjelaskan sesuatu istilah yang tidak difahami	A, B, C, D, E, F
5	Untuk mendapatkan jawapan dari murid	A, B, C, D, E, F
6	Mendorong murid-murid mengambil bahagian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran	A, B, C, D, E, F
7	Dipengaruhi oleh bahasa yang ditutur di rumah	-

Berdasarkan jadual di atas, hanya sampel A dan B sahaja mengatakan mereka menukar kod semasa pengajaran dan pembelajaran kerana ia telah menjadi tabiat mereka. Selain itu, untuk menjelaskan sesuatu istilah yang tidak difahami oleh murid-murid dalam pembelajaran, maka guru-guru terpaksa menggunakan perkataan dari bahasa yang lain untuk menjelaskan istilah tersebut. Secara tidak langsung keadaan ini menyebabkan berlakunya penukaran kod dalam kalangan sampel.

Tambahan pula, kesemua sampel menyatakan bahawa mereka menukar kod untuk mendapatkan jawapan dari murid. Ekoran itu, sampel kajian menukar kod untuk menggalakkan murid-murid mengambil bahagian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan aktif. Sampel kajian mengatakan aktiviti pengajaran dan

pembelajaran dalam kelas adalah komunikasi dua hala. Justeru, guru harus memainkan peranan bagi melibatkan murid-murid dalam pembelajaran seperti dalam aktiviti kumpulan dan sebagainya. Maka, boleh dikatakan bahawa penukaran kod berlaku semata-mata untuk menggalakkan murid-murid mengambil bahagian secara aktif dalam pembelajaran. Tiga daripada enam sampel iaitu sebanyak 50% mengatakan mereka menukar kod untuk mewujudkan suasana mesra sewaktu pembelajaran supaya murid-murid lebih berminat dan menumpukan sepenuh perhatian dalam pembelajaran.

4.2.4 Pandangan Sampel Mengenai Penukaran Kod.

Jadual di bawah menunjukkan pelbagai pandangan terhadap fenomena penukaran kod oleh sampel. Penyelidik telah mengetahui pandangan sampel mengenai penukaran kod melalui borang soal selidik. Pandangan sampel-sampel tersebut telah diringkaskan dalam jadual 4.6.

Jadual 4.6 : Pandangan Sampel Terhadap Penukaran Kod

	Pandangan	Skala				
		1	2	3	4	5
1.	Penukaran bahasa akan memberikan kesan kepada kedua-dua bahasa tersebut			1	5	
2.	Percampuran bahasa dalam perbualan menjadi perkara biasa dan ia tidak dapat dielakkan.				6	
3.	Penggunaan bahasa-bahasa lain secara selang seli diperlukan jika tiada pembendaharaan kata yang sesuai dalam bahasa yang ditutur.			4	2	
4.	Penukaran bahasa tidak seharusnya berlaku di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.		5	1		
5.	Percampuran bahasa dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran membantu murid-murid memahami isi pelajaran.				6	

Jadual 4.6 menjelaskan kesemua sampel bersetuju bahawa percampuran bahasa dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran membantu murid-murid memahami isi pelajaran dengan mudah dan jelas. Mereka juga mengatakan jika tiada perbendaharaan kata yang sesuai dalam bahasa yang ditutur maka penggunaan bahasa-bahasa lain secara selang seli diperlukan terutama dalam pengajaran dan pembelajaran supaya murid-murid dapat memahami sesuatu istilah dengan mudah dan tepat. Namun, sebanyak 83% iaitu 5 sampel menyatakan penukaran bahasa akan memberikan kesan kepada kedua-dua bahasa tersebut. Manakala, seorang sampel iaitu sebanyak 17% tidak pasti dalam perkara tersebut. Maka kelima-lima sampel tersebut bersetuju bahawa penukaran kod boleh berlaku dalam

pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya 100% sampel setuju bahawa percampuran bahasa dalam perbualan menjadi perkara biasa dan ia tidak dapat dielakkan dalam kalangan penutur yang berkebolehan pelbagai bahasa.

4.3 Peringkat Penukaran Kod.

Menerusi data yang dikumpul, penyelidik mengesan penukaran kod berlaku pada peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat. Penyelidik telah berbincang dengan jelas tentang peringkat penukaran kod dalam bab 1 bahagian 1.8.4. Berdasarkan tajuk dan objektif kajian, penyelidik hanya memberi tumpuan kepada ujaran penukaran kod oleh sampel kajian iaitu guru, manakala ujaran murid tidak diambil sebagai data kajian ini. Maka, secara keseluruhan penyelidik didapati sebanyak 378 ujaran berlaku dari transkrip 1 hingga 8.

Bagi menganalisis peringkat penukaran kod, penyelidik telah merakam sebanyak 8 aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Rakaman tersebut ditukar dalam bentuk transkrip dan kemudian penyelidik menganalisis transkrip tersebut bagi mendapatkan data penukaran kod. Setelah dianalisis, penyelidik didapati penukaran kod berlaku dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu. Jadual 4.7, menerangkan penukaran kod yang berlaku dalam bahasa Tamil. Data menunjukkan kekerapan serta peratus penukaran kod yang berlaku dalam kalangan sampel kajian sewaktu pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4.7 : Jumlah Kekerapan Penukaran Kod Bahasa Tamil
Dari Transkrip 1 Hingga 8

Transkrip	Bahasa Tamil			
	Perkataan	Frasa	Klausa	Ayat
1	20	3	3	21
2	17	5	17	20
3	19	5	22	33
4	4	-	10	35
5	33	1	13	10
6	18	1	13	24
7	13	-	3	43
8	6	4	-	6
Jumlah	130	19	81	192
Peratus	30.8	4.5	19.2	45.5

Jadual 4.7 menunjukkan jumlah kekerapan penukaran kod bahasa Tamil pada peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat yang dikesan dari transkrip 1 hingga 8. Menurut data di atas, didapati sebanyak 130 perkataan bahasa Tamil ditukar kod dengan peratus penukaran sebanyak 30.8. Dari segi frasa pula sebanyak 19 frasa bahasa Tamil dicatat. Peratus penukaran kod dari segi frasa adalah sebanyak 4.5. Selain dari perkataan dan frasa, penukaran kod juga berlaku pada peringkat klausa. Penukaran kod dari segi klausa bahasa Tamil dicatat sebanyak 81 (19.2%). Akhir sekali, sebanyak 192 (45.5%) ayat bahasa Tamil dikenalpasti ditukar kod. Secara keseluruhan, dari keempat-empat peringkat penukaran kod didapati; peringkat ayat bahasa Tamil mencatat kekerapan penukaran yang paling tinggi diikuti dengan peringkat perkataan bahasa Tamil.

Jadual 4.8 : Jumlah Kekerapan Penukaran Kod Bahasa Melayu
Dari Transkrip 1 Hingga 8

Transkrip	Bahasa Melayu			
	Perkataan	Frasa	Klausa	Ayat
1	1	3	-	1
2	2	1	-	-
3	-	2	-	2
4	-	-	-	-
5	1	-	-	-
6	2	-	-	-
7	2	-	-	6
8	1	1	-	-
Jumlah	9	7	-	9
Peratus	36	28	0	36

Jadual 4.8 menunjukkan jumlah kekerapan penukaran kod bahasa Melayu pada peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat yang dikesan dari keseluruhan data. Menurut data di atas, secara keseluruhan didapati penukaran kod berlaku sebanyak 25 kali dari segi perkataan, frasa, klausa dan ayat. Didapati sebanyak 9 (36%) perkataan bahasa Melayu ditukar kod. Manakala, pada peringkat frasa pula sebanyak 7 (28%) frasa bahasa Melayu dikenal pasti ditukar kod. Akhir sekali, sebanyak 9 (36%) ayat bahasa Melayu ditukar kod. Frasa bahasa Melayu mencatat bilangan yang paling kurang berlakunya penukaran kod dan data menunjukkan tidak terdapat sebarang penukaran kod pada peringkat klausa bahasa Melayu.

Penyelidik juga menganalisis kekerapan bahasa yang dipilih dalam penukaran kod. Setelah membuat analisis, penyelidik didapati sampel lebih kerap memilih bahasa Tamil berbanding bahasa Melayu semasa menukar kod. Jadual 4.7 jelas menunjukkan, secara keseluruhan didapati sebanyak 422 penukaran kod di peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat ditukar kod dalam bahasa Tamil manakala sebanyak 25 penukaran di peringkat perkataan, frasa dan ayat ditukar kod dalam bahasa Melayu. Data ini membuktikan bahawa sampel lebih gemar menggunakan bahasa tamil daripada bahasa Melayu.

Keadaan ini mungkin disebabkan oleh, pengaruh bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil. Walaupun mata pelajaran Sains diajar dalam bahasa Inggeris namun, guru-guru di sekolah Tamil terutama sampel kajian ini lebih selesa menggunakan bahasa Tamil dalam penyampaian isi pelajaran. Selain itu, murid yang kurang pengetahuan dalam bahasa Inggeris mengalami kesukaran bagi memahami isi pelajaran. Maka, bagi mengelakkan situasi begini guru terpaksa menggunakan bahasa Tamil semasa pengajaran mata pelajaran Sains dengan harapan murid-murid boleh memahami isi pelajaran dengan mudah dan lebih jelas. Akan tetapi, keadaan ini menyebabkan berlakunya fenomena penukaran kod dalam kalangan guru sewaktu pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya penyelidik membincang penukaran kod mengikut peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat mengikut data yang diperolehi dari rakaman.

4.3.1 Penukaran kod peringkat Perkataan

Sebanyak 139 penukaran kod berlaku pada peringkat perkataan, di mana 130 perkataan bahasa Tamil dan 9 perkataan bahasa Melayu. Berikut adalah beberapa ujaran penukaran kod peringkat perkataan yang dipilih secara rawak dari data :

- T1 UJ15 G : Ok, **pakkam twenty** one of your text book. Who never bring the text book?
- T1 UJ70 G : Yes. Eye. **kaNkaL**. Their ask five senses right?
- T3 UJ19 G : ...**manitharkaL**. Human being. Who you are?
- T2 UJ13 G : Colour..... **WARNA**....
- T2 UJ24 G :Ok. This is black colour. In Malay, we call it as **WARNA HITAM**.

Kelima-lima contoh di atas membuktikan berlakunya penukaran kod peringkat perkataan. Perkataan bahasa Tamil iaitu “**pakkam**” (muka surat) dalam T1 UJ15 dan perkataan “**kaNkaL**” (mata) dalam T1 UJ70 dan “**manitharkaL**” (manusia) dalam T3 UJ19 diujarkan dalam bahasa Tamil. Maka, jelas membuktikan bahawa berlakunya penukaran kod perkataan bahasa Tamil. Manakala, perkataan bahasa Melayu iaitu “**WARNA**” dalam contoh T2 UJ13 dan perkataan “**WARNA HITAM**” dalam contoh T2 UJ24 menunjukkan berlakunya penukaran kod perkataan bahasa Melayu.

4.3.2 Penukaran kod peringkat Frasa

Penukaran kod pada peringkat frasa mencatat bilangan yang kurang jika dibandingkan dengan penukaran kod pada peringkat perkataan, klausa dan ayat. Secara keseluruhan, sebanyak 19 frasa bahasa Tamil dan 7 frasa bahasa Melayu dikenal pasti ditukar kod dari transkrip 1 hingga transkrip 8. Seterusnya, contoh-contoh berikut menjelaskan penukaran kod pada peringkat frasa.

- ✓ T1 UJ41 G: *Saappidukira neeram*. Ok, how many time we want eat?
- ✓ T2 UJ77 G: All of you turn to page thirty one. *Muppathu onRu*
- ✓ T3 UJ94 G: There are some animals *kutti podum*.....
- ✓ T1 UJ89 G: Anything else that can make sound ? How about **BAJU**

KURUNG?

- ✓ T3 UJ105 G: Ok, very good. Now take out your science **BUKU LATIHAN**.

Frasa bahasa tamil yang terdapat dalam contoh T1 UJ41 iaitu “*Saappidukira neeram*” (masa untuk makan), T2 UJ77 iaitu “*Muppathu onRu*” (tiga puluh satu) dan dalam contoh T3 UJ94 iaitu “*kutti podum*” bermaksud (melahirkan anak) adalah beberapa frasa bahasa Tamil yang ditukar kod. Selain frasa bahasa Tamil terdapat juga frasa bahasa Melayu yang ditukar kod. Misalnya, frasa bahasa Melayu dalam contoh T1 UJ89 iaitu “**BAJU KURUNG**” dan frasa “**BUKU LATIHAN**” dalam contoh T3 UJ105 menerangkan dengan lebih jelas tentang penggunaan penukaran kod frasa bahasa Melayu. Setelah menganalisis data kajian, penyelidik mendapati penukaran kod frasa bahasa Tamil lebih kerap digunakan oleh sampel kajian berbanding dengan frasa bahasa Melayu.

4.3.3 Penukaran kod di peringkat Klausu

Penukaran kod pada peringkat klausu bahasa Tamil berlaku sebanyak 81 kali. Sila rujuk jadual 4.8. Penyelidik mendapati tidak terdapat penukaran kod klausu bahasa Melayu dalam data kajian. Ini mungkin kerana sampel kajian lebih selesa menggunakan bahasa Tamil berbanding dengan bahasa Melayu. Memandangkan sampel kajian adalah guru-guru sekolah tamil maka mereka lebih fasih dalam penggunaan bahasa Tamil. Kelebihan ini mendorong sampel kajian menggunakan klausu bahasa Tamil dalam komunikasi terutama mereka berinteraksi dengan murid-murid sewaktu pengajaran dan pembelajaran. Berikut adalah beberapa contoh yang dipetik dari data kajian yang menunjukkan penukaran kod peringkat klausu bahasa Tamil.

- T1 UJ115 G : Why you never answer athan *Paadathule kavanam seluthu*.
- T5 UJ46 G : Ok, bookke pass up ***pannungaL***.....
- T5 UJ131 G : 10 vayathu paiyan eppadi iruppan?
- T5 UJ78 G : Ok, class ***yelunthu nillungaL***.
- T7 UJ37 G : ...electrical energy. Main source of energy ***enggerunthu varuthunu teriuma?***

4.3.4 Penukaran kod di peringkat Ayat

Penukaran kod peringkat ayat mencatatkan kekerapan yang paling tinggi berbanding dengan penukaran kod peringkat perkataan, frasa dan klausa. Sebanyak 192 ayat bahasa Tamil dan 9 ayat bahasa Melayu ditukar kod. Data menunjukkan penukaran kod peringkat ayat dapat dibahagikan kepada dua bahagian mengikut fungsinya. Penyelidik mendapati penukaran kod ayat berlaku dengan fungsi terjemahan dan fungsi penerangan.

4.3.4.1 Penukaran kod di peringkat Ayat(Fungsi Terjemahan)

Pada bahagian ini, penukaran kod peringkat ayat berlaku dengan fungsi terjemahan. Fungsi terjemahan adalah bermaksud sesuatu ayat bermula dalam bahasa Inggeris dan disusuli berikutnya dengan terjemahan ayat berkenaan dalam bahasa Tamil atau bahasa Melayu. Berikut adalah beberapa ayat yang diujarkan oleh sampel kajian yang menunjukkan fungsi terjemahan.

- T1 UJ29 G : For our energy and we can eat for grow. **Namma valara veeNdumaanal saappida veeNdum.** Ok, growna ennathu?....vaLarvathu. Then to get energy. **Sakthi kidaikkum.** Enna kidaikkum?

- T3 UJ96 G : Ok, very good. Then plants can grow new plants. ***Thaavara vakaikal puthu sedikaLai uruvaakkum.***
maaNavarkakalee,..

- T3 UJ41 G : Ok, class now u can stick your drawing on the white board.
Ok, PARA PELAJAR BOLEH MELEKATKAN HASIL LUKISAN ANDA DI PAPAN PUTIH DI HADAPAN.

- T4 UJ59 G : Yes, that type of animals we called ‘wild animals’.
Atahvathu migavum abathana mirugam.....

- T5 UJ20 G : Let’s make a bulb lights up brighter. ***Ippe vantu nambe bulbe velicama athaavathu brighta yeriyе vaike porom.***
So, everybody see infront

Contoh T1 UJ29, T3 UJ96, T4 UJ59, dan T5 UJ20 menerangkan ayat bermula dalam bahasa Inggeris diikuti dengan terjemahan ayat tersebut dalam bahasa Tamil. Misalnya, ayat yang terdapat dalam T3 UJ96 bermula dengan bahasa Inggeris, dan kemudian ayat tersebut diterjemahkan dalam bahasa Tamil.

- Then plants can grow new plants
Thaavara vakaikaL puthu sedikaLai uruvaakkum
(Tumbuh-tumbuhan boleh membentuk tumbuhan yang lain)

Bukan sahaja terjemahan dilakukan dalam bahasa Tamil malah adakalanya terjemahan berlaku dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh, ayat T3 UJ41 bermula dengan bahasa Inggeris dan kemudian diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Misalnya,

- Ok, class now u can stick your drawing on the white board Ok, **PARA**

**PELAJAR BOLEH MELEKATKAN HASIL LUKISAN ANDA
DIPAPAN PUTIH DI HADAPAN.**

Kedua-dua ayat di atas jelas menunjukkan, berlakunya terjemahan daripada ayat asal iaitu ayat bahasa Inggeris ke bahasa Tamil dan bahasa Melayu. Jika diteliti terjemahan yang dikenal pasti dalam contoh-contoh ayat di atas merupakan terjemahan secara langsung atau digelar sebagai terjemahan terus (direct translation). Seterusnya, penyelidik membincangkan tentang penukaran kod di peringkat ayat dengan Fungsi Penerangan.

4.3.4.2 Penukaran kod di peringkat Ayat(Fungsi Penerangan)

Penukaran kod di peringkat ayat dengan fungsi penerangan nampaknya agak sama dengan fungsi terjemahan, namun jika diteliti secara mendalam terdapat sedikit perbezaan antara kedua-dua fungsi. Fungsi penerangan memberi erti bahawa, sesuatu ayat bermula dalam bahasa Inggeris dan disusuli dengan penerangan tentang ayat berkenaan dalam bahasa Tamil atau bahasa Melayu. Ayat-ayat yang dipaparkan dibawah menjelaskan fungsi penerangan.

- T1 UJ29 G: For our energy and we can eat for grow. **Namma valara veeNdumaanal saappida veeNdum.** Ok, growna ennathu?....vaLarvathu. Then to get energy. **Sakthi kidaikkum Enna** kidaikkum?
- T3 UJ71 G: Yes, living things need food, air and water to live. Without this they wil die. **Engga yaaru saapadama, tannir kudikama, suvasikama uyir vaalra? Enggita sollunga parpom?...** Ha....so uyirvaala unavu, neer, kaaRRu mika avasiyam. **Manitharkalai polave mirukanggalum thavarangalum ithanai payan paduththi uyir vaalkirathu.**
- T4 UJ54 G: Different animals eat different types of food. **Cila Mirugaganggal thaavara vakaikalai matum thinnum . Ennum sila mirugaganggal matra mirugaganggalai vettaiyadi tinnum, sila mirugaga elaitalaikalaiyum mattra piranikalaiyum tinnum.**
- T3 UJ67 G: Ok, now you all see this picture. This is show changes when baby grow become a girl. Babya **eruntha neenga ellorum valarthtu ippoo perusaa irukkingka and innum perusa varuvingga.. ennai pole.** Do you agree with me?

Contoh-contoh di atas menerangkan ayat bermula dalam bahasa Inggeris kemudian diikuti penerangan dalam bahasa Tamil. Misalnya, contoh ayat T4 UJ54 menerangkan makanan yang dimakan oleh haiwan. Walaupun sampel kajian menyampaikan isi pelajaran tersebut dalam bahasa Inggeris namun beliau memberi penerangan yang berkaitan dengan topik pelajaran tersebut dalam bahasa Tamil. Ianya seperti berikut.

- Different animals eat different types of food

Cila miruganggal thaavara vakaikalai matum thinnum.

(Adakalanya binatang hanya makan tumbuh-tumbuhan sahaja)

Ennum cila miruganggal matra mirugaganggalai vettaiyadi tinnum,

(Ada pula binatang, memburu binatang yang lain untuk makanan)

cila mirugaga elaitalaikalaiyum mattra piranikalaiyum tinnum

(Ada juga binatang yang makan tumbuh-tumbuhan dan binatang yang lain)

Jika meneliti ayat di atas, topik pengajaran adalah ‘makanan yang dimakan oleh haiwan’. Sampel kajian memulakan topik pengajaran tersebut dalam bahasa Inggeris dan seterusnya penerangan isi pelajaran pula disampaikan dalam bahasa Tamil. Ini mungkin disebabkan kerana, murid-murid yang kurang mahir dalam bahasa Inggeris mengalami kesukaran untuk memahami isi pelajaran sekiranya pengajaran dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Maka situasi ini menyebabkan guru terpaksa menukar kod ke bahasa Tamil dalam pengajaran supaya ia membolehkan murid-murid memahami isi pelajaran dengan mudah.

Penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid sekolah Tamil memang pada tahap rendah kerana mereka lebih menggunakan bahasa Tamil dalam komunikasi harian di rumah mahupun di sekolah. Justeru, murid-murid lebih terdedah kepada penggunaan bahasa Tamil berbanding dengan bahasa Inggeris.

4.4 Pola-Pola Penukaran Kod.

Penyelidik juga mengkaji pola-pola penukaran kod yang terdapat dalam data. Data kajian yang dikumpul dari rakaman digunakan untuk mengesan pola-pola penukaran kod yang berlaku. Bagi memudahkan proses mengesan pola-pola penukaran kod, penyelidik menggunakan singkatan iaitu B1 untuk merujuk bahasa Melayu, B2 untuk merujuk bahasa Inggeris manakala B3 untuk merujuk bahasa Tamil. Selain itu penyelidik juga menggunakan simbol → yang menunjukkan arah pola penukaran kod yang berlaku. Singkatan ini dipilih oleh penyelidik semata-mata bagi membezakan pola-pola penukaran kod dan bukan untuk tujuan yang lain. Pemerihalan sedemikian telah digunakan oleh Zaiton Ismail (2004), dalam kajiannya Penukaran Kod Di kalangan Pensyarah Institut Pengajian Tinggi Tempatan dimana. Setelah menganalisis data kajian, didapati terdapat tujuh pola penukaran kod. Pola-pola penukaran kod tersebut adalah seperti berikut :-

- i. Bahasa Inggeris → Bahasa Tamil ($B2 \rightarrow B3$)
- ii. Bahasa Inggeris → Bahasa Melayu ($B2 \rightarrow B1$)
- iii. Bahasa Tamil → Bahasa Inggeris ($B3 \rightarrow B2$)
- iv. Bahasa Melayu → Bahasa Tamil ($B1 \rightarrow B3$)
- v. Bahasa Tamil → Bahasa Inggeris → Bahasa Tamil ($B3 \rightarrow B2 \rightarrow B3$)
- vi. Bahasa Tamil → Bahasa Melayu → Bahasa Melayu ($B3 \rightarrow B1 \rightarrow B1$)
- vii. Bahasa Inggeris → Bahasa Melayu → Bahasa Tamil ($B2 \rightarrow B1 \rightarrow B3$)

Pola-pola yang dikesan dari data kajian telah berlaku pada peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat. Seterusnya penyelidik membincangkan pola-pola penukaran yang disebut diatas secara terperinci dengan memberi beberapa contoh yang dikesan dalam data kajiannya.

4.4.1 Bahasa Inggeris → Bahasa Tamil ($B2 \rightarrow B3$)

Pola jenis ini kerap berlaku pada semua peringkat penukaran kod. Data menunjukkan kesemua sampel menggunakan pola ini dalam perbualannya. Pola ($B2 \rightarrow B3$) menerangkan bahasa Inggeris digunakan dahulu dan diikuti dengan bahasa Tamil. Contoh-contoh di bawah menerangkan pola ini dengan lebih jelas.

4.4.1.1 Pola (B2 → B3) – Peringkat perkataan

T2 UJ95 G : Ok. start doing. *CeyingaL*.

4.4.1.2 Pola (B2 → B3) – Peringkat frasa

T1 UJ40 G : Ok, meals time. *Appadina ennathu?*

4.4.1.3 Pola (B2 → B3) – Peringkat klausa

T1 UJ11 G : Because, exam paper *mika mika sulabam*.

4.4.1.4 Pola (B2 → B3) – Peringkat ayat

T2 UJ81 G : R.e.d, red. Red means what ? ok, before that... all of you please take out your colour pencils. *netRu* teacher *eduththu vara sonnele*.
Ellaarum eduthu vanthingala?

Contoh-contoh diatas jelas menunjukkan sampel menggunakan jenis pola (B2 → B3) pada semua peringkat. Hampir kesemua sampel menggunakan pola ini semasa pengajaran dan pembelajaran mungkin kerana, tabiat mahupun ciri kebiasaan guru yang lebih kerap menggunakan bahasa Tamil dalam perbualan menyebabkan mereka menggunakan bahasa Tamil terutama dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains. Seterusnya penyelidik menerangkan jenis pola yang kedua iaitu (B3 → B2).

4.4.2 Bahasa Inggeris → Bahasa Melayu (B2 → B1)

Pola jenis ini pula bermaksud bahasa Inggeris didahulukan oleh sampel dan diikuti dengan bahasa Melayu. Pola jenis ini digunakan pada peringkat perkataan, frasa dan ayat. Data menunjukkan tidak terdapat sebarang penggunaan pola jenis ini oleh sampel pada peringkat frasa. Contoh-contoh berikut menerangkan pola penukaran kod (B2 → B1) dengan lebih jelas.

4.4.2.1 Pola (B2 → B1) – Peringkat perkataan

T2 UJ13 G : Colour..... **WARNA....**

4.4.2.2 Pola (B2 → B1) – Peringkat frasa

T3 UJ105 G: Ok, very good. Now take out your science **BUKU LATIHAN**.

4.4.2.3 Pola (B3 → B2) – Peringkat ayat

T3 UJ41 G : Ok, class now u can stick your drawing on the white board . Ok,

PARA PELAJAR BOLEH MELEKATKAN HASIL

LUKISAN ANDA DI PAPAN PUTIH DI HADAPAN.

Ketiga-tiga contoh diatas menerangkan berlakunya pola penukaran (B2 → B1) dalam kalangan sampel. Contoh T2 UJ13 dan T3 UJ41 menjelaskan, sampel menterjemahkan perkara yang disebut dalam bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Tambahan pula, contoh T3 UJ41 juga menjelaskan guru menterjemahkan arahan yang diberikan dari bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Namun, contoh T3 UJ105 menunjukkan sampel sengaja menggunakan perkataan “**BUKU LATIHAN**” dalam pertuturan menyebabkan berlakunya pola penukaran kod jenis (B2 → B1) pada peringkat frasa. Sampel menggunakan pola (B2 → B1) mungkin kerana untuk memberi suatu arahan yang penting kepada murid-murid. Sampel terjemahkan suatu arahan dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu dengan tujuan murid-murid boleh memahami arahan tersebut dengan lebih jelas. Ini secara tidak langsung membantu murid-murid bertindak dengan betul dan cepat mengikut arahan.

4.4.3 Bahasa Tamil → Bahasa Inggeris (B3 → B2)

Pola jenis ini hanya berlaku pada peringkat perkataan, klausa dan ayat. Kesemua sampel menggunakan pola jenis ini kecuali sampel B dan E. Pola ini bermaksud bahasa Tamil didahulukan dan diikuti dengan bahasa Inggeris. Contoh :-

4.4.3.1 Pola (B3 – B2) – Peringkat perkataan

T4 UJ34 G : / *paambu...* snake are slithers..

4.4.3.2 Pola (B3 → B2) – Peringkat klausu

T5 UJ50 G : No. you are wrong. *Ithuku bathil vanthu veetuku poi yosicitu coming Friday bathil sollungaL. Sariya ?*

4.4.3.3 Pola (B3 → B2) – Peringkat ayat

T5 UJ75 G : *Nalla kelvi kettaru, avaruku paratu terivingga.* Very good Agilan.

Dalam contoh-contoh diatas, sampel menggunakan bahasa Tamil dan diikuti dengan bahasa Inggeris. Tujuan penggunaannya adalah berbeza di mana contoh T4 UJ34 menerangkan sampel menggunakan bahasa Tamil untuk menerangkan makna dan seterusnya beliau menterjemahkan perkataan tersebut dalam bahasa Inggeris. Perkara yang sama berlaku di contoh T5 UJ75 di mana guru memuji pelajar tersebut dalam bahasa Tamil dan kemudian memuji pula dalam bahasa Inggeris. Sampel menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Tamil untuk memuji murid-murid disebabkan ada segelintir murid-murid lebih gemar jika mereka dipuji dalam bahasa Tamil. Murid-murid terpengaruh dan kagum dengan perkataan-perkataan yang digunakan dalam bahasa Tamil untuk memuji mereka. Hasil daripada ini, murid-murid menjadi lebih aktif dan berusaha untuk mendapat kejayaan dalam aktiviti pembelajaran semata mata untuk menarik perhatian guru dan bagi mendapatkan kata-kata pujian daripada guru.

4.4.4 Bahasa Melayu → Bahasa Tamil (B1 → B3)

Dalam pola ini, sampel menggunakan bahasa Melayu dahulu dan disusuli dengan bahasa Tamil. Pola ini hanya berlaku pada peringkat perkataan dan klausa sahaja. Data menunjukkan bahawa hanya seorang sampel sahaja iaitu sampel A, menggunakan pola jenis ini. Maka, pola ini tidak diberi tumpuan dalam kalangan sampel. Contoh berikutnya menerangkan pola (B1 → B3) yang digunakan oleh sampel A.

4.4.4.1 Pola (B1 → B3) – Peringkat perkataan

T1 UJ 123 G : ... KEROPOK all. *Nooruku theeni..... theriyuma?*

4.4.4.2 Pola (B1 → B3) – Peringkat klausa

T1 UJ 9 G : **HA TAHU PUN.** You all want goin to sit for exam.....

Walaupun pola jenis ini tidak kerap kali digunakan namun contoh T1 UJ123 menjelaskan sampel menggunakan perkataan ‘**KEROPOK**’ dalam bahasa Melayu kerana perkataan tersebut lebih dikenali oleh murid-murid tahap rendah kerana mereka lebih gemar makan makanan ringgan. Seterusnya sampel juga menterjemahkan perkataan tersebut ke bahasa Tamil ‘**nooruku theeni**’ kerana ada juga pelajar yang tidak faham perkataan ‘**KEROPOK**’ dalam bahasa Melayu. Maka, murid sebegitu lebih faham sekirannya diterangkan dalam bahasa Tamil.

4.4.5 Bahasa Tamil → Bahasa Inggeris → Bahasa Tamil (B3 → B2 → B3)

Sampel A, B dan C sahaja menggunakan pola penukaran jenis (B3 → B2 → B3). Sampel A dan C menggunakan pola jenis ini pada peringkat perkataan manakala sampel B pula menggunakan pola jenis ini pada peringkat ayat. Pola jenis ini menerangkan sesuatu ujaran dalam bahasa Tamil diikuti dengan bahasa Inggeris dan disusuli penerangan ujaran tersebut dalam bahasa Tamil. Secara umumnya pola jenis ini melibatkan gabungan dua atau tiga bahasa yang berlainan.

4.4.5.1 Pola (B3 → B2 → B3) – Peringkat perkataan

T1 UJ17 G : Sukumar, *yeen* book *eduththuvarala?*

4.4.5.2 Pola (B3 → B2 → B3) – Peringkat ayat

T4 UJ77 G : *Vituku poitu ungaluku piditha miruganggalin*
padangkalai Vetti konduvangga I will check on tomorrow.
Naalaiku kandipa Kondutu varanum. Ok, va?

Pada peringkat perkataan, sampel menggunakan bahasa Tamil terlebih dahulu dalam ayatnya.. ‘Sukumar, *yeen..* (kenapa) dan diikuti bahasa Inggeris dalam pertengahan ayat “**book**” dan kemudiannya sampel sekali lagi menggunakan bahasa Tamil

“*eduththuvarala*” (tidak membawa) bagi menanyakan soalan... (Sukumar, kenapa tidak membawa buku?). Ini menjelaskan sampel menggunakan perkataan “**book**” dalam bahasa Inggeris di pertengahan ayat. Begitu juga dengan contoh T4 UJ77, di mana sampel memberi arahan iaitu “*Vituku poitu ungaluku piditha miruganggalin padangkalai vetti konduvangga*” (pada hari esok, bawa gambar binatang ke sekolah) dalam bahasa Tamil dan seterusnya sampel menggunakan bahasa Inggeris dan terus menggunakan bahasa Tamil dalam pertuturnya. Maka, penyeldidik mengesahkan bahawa penukaran bahasa secara selang seli dalam perbualan adalah kebiasaan dalam kalangan guru terutama dalam situasi pengajaran dan pembelajaran.

4.4.6 Bahasa Tamil → Bahasa Melayu → Bahasa Melayu (B3 → B1 → B1)

Data menunjukkan hanya sampel E sahaja menggunakan pola jenis (B3 → B1 → B1) pada peringkat klaus. Pola penukaran kod jenis ini hanya dikesan sekali sahaja dalam keseluruhan data. Pola ini menjelaskan sesuatu ujaran dalam bahasa Tamil diikuti dalam bahasa Melayu dan disusuli penerangan semula ujaran berkenaan dalam bahasa Melayu. Contoh berikut memberi gambaran yang jelas mengenai pola (B3 → B1 → B1) yang digunakan oleh sampel E dalam transkrip 7.

4.4.6.1 Pola (B3 → B1 → B1) – Peringkat klausua

T7 UJ56 G : *mudiyathukkulla na KUIZ vaikka pore. SIAPA*

JAWAB DAPAT HADIAH. Ok va. Are you ready class?

Contoh diatas menjelaskan sampel menggunakan bahasa Tamil dalam permulaan ayat dan disusuli dengan perkataan “**KUIZ**” dalam bahasa Melayu. Sejurus selepas itu, sampel memberi penerangan tentang KUIZ dalam bahasa Melayu iaitu “**SIAPA JAWAB DAPAT HADIAH**”. Oleh sebab sampel menggunakan bahasa Melayu bagi perkataan **KUIZ**, maka secara langsung beliau sekali lagi menggunakan bahasa Melayu untuk memberi penerangan kepada **KUIZ** yang dimaksudkannya.

4.4.7 Bahasa Inggeris → Bahasa Melayu → Bahasa Tamil (B2 → B1 → B3)

Pola jenis ($B2 \rightarrow B1 \rightarrow B3$) bermaksud sesuatu ujaran bermula dalam bahasa Inggeris dan diikuti terjemahannya dalam bahasa Melayu dan disusuli pula terjemahannya dalam bahasa Tamil. Pola jenis ini dikesan pada semua peringkat. Sampel B, C dan F didapati menggunakan pola ini. Berikut adalah beberapa contoh yang dikenalpasti dari data kajian yang menerangkan pola ($B2 \rightarrow B1 \rightarrow B3$).

4.4.7.1 Pola ($B2 \rightarrow B1 \rightarrow B3$) – Peringkat perkataan

T8 UJ52 G: Water.. It's cannot absorb water. No water can go inside the float. And Its have air space...**LIANG UDARA***kaaTRu thuvaarangkaL irukkum.*

4.4.7.2 Pola (B2 → B1 → B3) – Peringkat frasa

T2 UJ24 G :Ok. This is black colour. In Malay, we call it as **WARNA HITAM** In tamil, we call it as *karuppu niRam*. Ok. Come again, what colour is this ?

4.4.7.4 Pola (B2 → B1 → B3) – Peringkat ayat

T3 UJ92 G : Another important thing is, living things produce young. **IAITU SEMUA BENDA HIDUP BOLEH MELAHIRKAN ANAK..** *Manitharkalil, akka give birth panrangga.* Class, *puriyutha?* Give *birthna ennathu?....putu thambi papa pirakirathu*

Berdasarkan contoh-contoh di atas, pola penukaran kod jenis (B2 → B1 → B3) lebih kerap berlaku pada situasi terjemahan sesuatu frasa mahupun ayat kepada sesuatu bahasa yang khusus. Dalam contoh T3 UJ53 penutur memulakan pengajarannya dalam bahasa Inggeris seterusnya beliau menterjemahkan frasa “**living things**” dalam bahasa Melayu iaitu “**benda-benda hidup**” disusuli pula penterjemahan dalam bahasa Tamil iaitu “**Uyurulla porutkal**”. Maka frasa yang sama diterjemahkan kepada ketiga-tiga bahasa menyebabkan penutur menggunakan pola penukaran kod jenis Bahasa Inggeris → Bahasa Melayu → Bahasa Tamil. Secara ringkas jadual di bawah menerangkan pola-pola penukaran kod yang dikesan dari data.

Jadual 4.9 : Pola-Pola Yang Terdapat Dalam Kajian

Perkataan	Frasa	Klausa	Ayat
BI → BT	BI → BT	BM → BT	BI → BT
BT → BI	BI → BM	BI → BT	BI → BM
BM → BT	BI → BM → BT	BT → BI	BT → BI
BI → BM		BT → BM → BM	BT → BI → BT
BT → BI → BT			BI → BM → BT
BI → BM → BT			

Berdasarkan jadual di atas, pola penukaran kod biasanya berlaku pada semua peringkat.

Pada peringkat perkataan, sebanyak enam jenis pola dikesan. Pola penukaran kod yang paling kurang berlaku pada peringkat frasa iaitu sebanyak tiga jenis pola sahaja dikesan. Manakala, peringkat klausa dan ayat masing-masing mencatat lima jenis pola penukaran kod.

**Jadual 4.10 : Pola-Pola Penukaran Kod Yang Digunakan Oleh Sampel Kajian
Berdasarkan Transkrip.**

Sampel Kajian	Transkrip	Pola-pola Penukaran Kod			
		Perkataan	Frasa	Klausa	Ayat
A	1	BI → BT BT → BI BT → BI → BT BM → BT	BI → BT BI → BM	BM → BT BI → BT	BI → BT
B	2	BI → BM BI → BT	BI → BM → BT BI → BT	-	BT → BI → BT BI → BT
C	3	BT → BI BT → BI → BT	BT → BI BI → BM	BI → BT	BI → BT BI → BM BT → BI BI → BM → BT
C	4	BT → BI BI → BT	-	BT → BI	BI → BT BT → BI → BT
B	5	BT → BI → BT	-	BT → BI BI → BT	BT → BI BI → BT
D	6	-	-	BI → BT	BT → BI BI → BT
E	7	-	-	BI → BT BT → BM → BM	BI → BM BI → BT BI → BT → BI
F	8	BI → BM BI → BT BI → BM → BT	-	BI → BT	BT → BI

Jadual di atas jelas menunjukkan hampir kesemua sampel kajian menggunakan pola penukaran kod. Pola penukaran kod yang paling kerap berlaku pada peringkat ayat iaitu sebanyak 17 kali manakala yang paling kurang berlaku pada peringkat frasa dengan kekerapan sebanyak 6 kali. Pola jenis BI → BT kerapkali berlaku pada semua peringkat penukaran kod, sewaktu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains. Sampel menggunakan bahasa Inggeris bagi menyampaikan isi pelajaran. Murid-murid yang lemah dalam penggunaan bahasa Inggeris mengalami kesukaran untuk memahami isi pelajaran tersebut. Maka, guru (sampel) terpaksa menukar kod ke bahasa Tamil bagi menyampaikan isi pelajaran supaya murid-murid lebih faham apa yang diajar oleh guru. Selain itu, guru juga beranggapan bahawa murid-murid lebih faham jika diterangkan dalam bahasa Tamil. Sebilangan guru berpendapat, penyampaian pelajaran dalam apa jua bahasa pun tidak dipeduli; asalkan murid-murid dapat menguasai kemahiran tersebut dan guru pula mencapai objektif pelajaraanya.

Secara kesimpulan, penyelidik mendapati kebanyakkan pola wujud kerana ujarannya diterjemahkan dari bahasa asal (bahasa yang digunakan sewaktu bertutur) ke bahasa yang kedua. Sebagai contoh, sesuatu ujaran dalam bahasa Tamil diikuti dengan terjemahaan dalam bahasa Inggeris dan kemudian disusuli terjemahaan ujaran tersebut dalam bahasa Melayu. Jika diteliti, keadaan ini memang berlaku di semua peringkat penukaran kod yang menyebabkan berlakunya kepelbagaiaan pola penukaran kod.

4.5 Faktor-faktor yang mempengaruhi Penukaran Kod

Selain mengkaji peringkat penukaran kod dan pola-pola penukaran kod, penyelidik juga mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penukaran kod. Secara umumnya, penyelidik mendapati faktor-faktor seperti kebiasaan, latar belakang sampel, kosa kata, pengaruh mata pelajaran lain, mengajuk pelajaran, sikap sampel kajian, topik atau bidang dan hubungan peranan antara peserta mendorong berlakunya penukaran kod.

4.5.1 Kebiasaan

Hasil daripada data yang diperolehi, penyelidik mengenal pasti bahawa sampel menukar kod kerana kebiasaan. Hampir kesemua sampel kajian ini, menukar kod akibat daripada faktor kebiasaan. Pada hal, terdapat kosa kata yang sesuai bagi sesuatu perkataan, namun sampel lebih gemar menukar kod ke bahasa lain untuk menguar perkataan tersebut. Hal ini mungkin kerana, sampel lebih biasa dengan penggunaan kosa kata tersebut dalam sesuatu bahasa yang tertentu. Beberapa contoh dari data kajian yang menerangkan faktor kebiasaan.

T2 UJ26 G : <<< (murid bising). *Sari amaiti* / which part of body is in black colour ?

T2 UJ87 G : *Ninge Kanchanakiterunthu PINJAM pannikinge. MudiyungaLa, Kanchana ?*

Perkataan dalam contoh T2 UJ26 iaitu ‘*Sari amaithi*’ adalah perkataan bahasa Tamil yang membawa maksud ‘**diam**’. Sememangnya sampel kajian tahu bahawa perkataan ‘*Sari amaithi*’ boleh disebut juga sebagai ‘**Silent**’ dalam bahasa Inggeris. Namun mereka menggunakan perkataan ‘*Sari amaithi*’ bagi memberi arahan kepada murid-murid. Fenomena yang sama juga berlaku dalam contoh T2 UJ87 , di mana perkataan **PINJAM** yang digunakan oleh sampel kajian adalah perkataan bahasa Melayu dan sampel kajian sedar bahawa mereka boleh menggunakan perkataan bahasa Inggeris iaitu **borrow** bagi mengantikan perkataan **PINJAM**. Kebiasaan sampel kajian menggunakan perkataan ‘*Sari amaithi*’ dan **PINJAM** dalam komunikasi harian di sekolah. Ini kerana perkataan ‘*Sari amaithi*’ lebih kerap digunakan oleh guru-guru untuk mendiamkan murid-murid dalam keadaan formal seperti dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Selain itu, perkataan ini menjadi suatu kebiasaan dalam kalangan guru-guru di mana kebanyakan guru di sekolah ini menggunakan perkataan ‘*Sari amaithi*’ sebagai alat komunikasi yang berkesan untuk memberi perhatian terhadap mereka. Walauapapun alasan yang diberikan, sudah pastinya kebiasaan adalah salah satu faktor pendorong kepada penukaran kod.

4.5.2 Sikap Sampel Kajian

Setiap kelakuan yang di tonjolkan daripada seseorang adalah hasil daripada sikapnya. Adakalanya, sikap penutur menyebabkan berlakunya penukaran kod. Pada hal, sikap sampel kajian ini juga menjadi faktor kepada berlakunya penukaran kod. Setelah menganalisis, penyedilik mendapati hampir 85% sampel kajian menukar kod dengan

sengaja mahupun tidak sengaja. Hal ini dapat dibuktikan melalui perbualan mereka antara murid-murid sewaktu pengajaran dan pembelajaran. Contoh-contoh ujaran di bawah menunjukkan sikap sampel kajian yang sengaja menukar kod.

UJ5 G : Today we want to do **revision** for exam. As, I told u, the question based on topic ourselves. Like our body parts, my five senses and good daily habits. Ok, class *eppa namba enna seiyaporom?//*

UJ6 MM : **Revision.**

UJ7 G : Yes, *miiLpaarvai*. So, I want you all pay attention. So, today what we goin to do, *namba padicha miiNdum miiLpaarvai seiya poorom*. Why?

UJ8 MM : **Exam**

UJ9 G : **HA TAHU PUN.** You all want goin to sit for exam. Im the one, prepared exam paper for you. So, I already set the exam paper./ *keeLvikaL....* Very easy. If you betul-betul study smart..*kandipa neengal* answer *paNnalaam*. Class, the exam paper ...very...

(T1 UJ 5 – UJ 9)

Dalam UJ5, sampel kajian menggunakan perkataan ‘**revision**’ untuk menerangkan objektif pelajaran pada hari tersebut iaitu membuat ulangkaji untuk peperiksaan. Seterusnya, beliau menanyakan kepada murid-murid objektif pelajaran tersebut dan murid-murid pula menjawab ‘**revision**’. Perkara ini diterangkan dalam UJ6. Tetapi, sampel kajian pula menukar kod ke bahasa Tamil dan mengujarkan *miiLpaarvai* (mengulangkaji) contoh dalam UJ7, bagi memastikan jawapan murid-murid. Walaupun sampel kajian sedia maklum perkataan ‘**revision**’ dalam bahasa Inggeris, namun dengan sengaja beliau menukar kod dan mengujarkan perkara yang sama dalam bahasa Tamil. Ini kerana beliau memastikan semua murid fahami objektif pelajaran harian tersebut. Mungkin pelajar yang kurang dalam bahasa Inggeris mengalami kesukaran untuk memahami apa yang diberitahu oleh guru. Maka, bagi mengelakkan keadaan ini guru terpaksa menggunakan bahasa Tamil untuk menerangkan objektif pelajaran dengan lebih jelas supaya semua murid boleh mengetahuinya.

Selain itu, sampel kajian juga menanyakan kepada murid-murid kenapa mereka hendak mengulangkaji pelajaran (merujuk perkataan terakhir dalam UJ 7). Maka, murid-murid pun menjawab, ‘**Exam**’ dalam UJ 8. Sampel kajian pula membalsas dengan menukar kod ke bahasa Melayu dengan mengatakan **HA TAHU PUN** (UJ 9). Sepatutnya sampel kajian tidak perlu mengujarkan frasa tersebut dalam bahasa Melayu sedangkan murid-murid boleh menjawab soalan guru. Ini bermakna murid-murid faham apa yang ditanyakan oleh guru. Maka, ini jelas menunjukkan bahawa sikap kesengajaan sampel kajian menjadi punca kepada berlakunya penukaran kod.

4.5.3 Mengajuk Ujaran

Faktor seterusnya adalah mengajuk ujaran oleh guru. Adakalanya guru mengajuk ujaran murid-murid bagi memastikan murid-murid mengujarkan sesuatu perkataan dengan intonasi yang betul. Penyelidik didapati berlakunya penukaran kod apabila guru menyuruh murid-murid mengajuk ujaran. Berikut adalah beberapa contoh yang menerangkan penukaran kod dari aspek mengajuk ujaran oleh sampel kajian .

(murid bernama Abbetha membaca)

UJ22 G : Ok, the rest follow Abbetha, and read. *Ellorum padikanum.*

UJ23 M : Healthy food

UJ24 MM : Healthy food

UJ25 G : *saththuLLa uNavu*

UJ26 MM : *saththuLLa uNavu*

(T1 UJ 23 – UJ 26)

Berdasarkan contoh di atas, sampel menyuruh seorang murid yang bernama Abbetha membaca dan mengarahkan murid-murid yang lain turut membaca. Murid tersebut membaca frasa ‘**Healthy food**’ yang tertulis di papan putih. Murid-murid yang lain turut membaca. Pada hal, sampel kajian pula terjemahkan frasa ‘**Healthy food**’ ke bahasa Tamil iaitu ‘**saththuLLa uNavu**’ seperti yang terdapat dalam UJ25. Maka, murid-murid juga

turut mengikut dan mengujarkan frasa ‘*saththuLLa uNavu*’ yang ditunjukkan dalam contoh UJ26. Jadi jelasnya mengajuk ujaran oleh sampel kajian juga menjadi faktor pendorong kepada penukaran kod.

4.5.4 Kosa Kata

Satu lagi faktor pendorong penukaran kod yang dikenal pasti adalah kosa kata. Kosa kata yang kurang sesuai, kurang tepat dan tidak sepadan bagi menjelaskan makna yang tepat; menyebabkan sampel kajian terpaksa menggunakan bahasa lain bagi memberikan penjelasan kepada murid-murid tentang sesuatu perkataan sewaktu pengajaran dan pembelajaran. Misalnya,

UJ32 G : Ok, pong-pong means “***bablimas***”

UJ33 M : Teacher..... ***enaku terium***

UJ34 G : Ha...you all know right? ...***bablimas***...

UJ35 M : “***bablimas***”

UJ36 G : Its not funy things ...funy things. / Be serious. Pong-pong means “***bablimas***”... lotus seeds ...u know right? Lotus seeds? Lotus means “***thaamarai poo***”..

UJ37 MM : ***vithai***

UJ38 G : ‘*thaamarai poo vithai*’. Coconut you know. Nipah palm.

(T8 UJ 32 – UJ 38)

Dalam contoh di atas sampel kajian menggunakan perkataan bahasa Tamil “***bablimas***” bagi menerangkan makna perkataan “***pong-pong***”. Keadaan yang sama berlaku dalam UJ36, dimana sampel menggunakan farasa bahasa Tamil iaitu “*thaamarai poo*” bagi merujuk kepada bunga ‘**Lotus**’ dan seterusnya perkataan ‘***vithai***’ bagi merujuk perkataan ‘***seeds***’. Ini adalah kerana sampel tidak dapat menggunakan perbenderaan kata yang tepat dan sesuai sewaktu pengajaran dan pembelajaran, bagi merujuk kepada perkataan-perkataan “***pong-pong***” dan ‘***seeds***’.

Keadaan ini disebabkan mungkin pada masa tersebut guru mengalami kesukaran untuk menjelaskan perkataan tersebut dalam bahasa Inggeris. Maka penyelidik menyimpulkan, sampel kajian terpaksa menukar kod dari bahasa Inggeris ke bahasa Tamil disebabkan kegagalan menggunakan kosa kata mahupun perbendaharaan kata yang sesuai dan sepadan dalam bahasa Inggeris untuk menerangkan makna sesuatu perkataan.

4.5.5 Topik atau Isi Kandungan Pengajaran

Topik pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Sains juga adalah faktor pendorong kepada penukaran kod. Misalnya, penukaran kod berlaku sewaktu guru memperkenalkan sesuatu topik baru, menggabungkan dua topik yang berlainan atau mengaitkan isi kandungan pelajaran dengan pengalaman atau dunia sebenar murid-murid. Data menunjukkan sampel kajian menukar kod bagi mengaitkan isi kandungan pelajaran dengan dunia sebenar murid. Contohnya,

UJ71 G : Yes, living things need food, air and water to live. Without this they wil die. *Engga yaaru saapadama, tannir kudikama, suvasikama uyir vaalra? Enggita sollunga parpom?.... Ha...so uyirvaala unavu, neer, kaaRRu mika avasiyam. Manitharkalai polave mirukanggalum thavarangalum ithanai payan paduththi uyir vaalkirathu.*

Berdasarkan contoh di atas, sampel menukar kod dari bahasa Inggeris ke bahasa Tamil bagi mengaitkan isi pelajaran dengan dunia sebenar murid-murid. Sewaktu sampel mengajar topik ‘**Living Things**’, beliau mengatakan ‘**living things need food, air and water to live. Without this they wil die**’ merujuk dalam UJ 71. Seterusnya sampel memberi penjelasan dalam bahasa Tamil bagi mengaitkan isi pelajaran tersebut dengan kehidupan murid-murid. Sampel mengaitkan fakta yang dikatakan dalam bahasa Inggeris dengan aktiviti harian yang dilakukan oleh murid-murid seperti makan, minum dan bernafas bertujuan untuk

hidup. Walaupun sampel menukar kod, sudah pastinya murid-murid lebih faham dengan jelas tentang topik pengajaran kerana isi pelajaran dikaitkan dengan aktiviti harian murid-murid.

4.5.6 Penglibatan antara Peserta Guru dan Murid

Seperti mana yang dimaklumkan pada awal kajian ini, pokok perbincangan kajian ini adalah penukaran kod oleh guru SJK(T) dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Maka sudah pastinya, aktiviti pengajaran dan pembelajaran melibatkan dua pihak iaitu guru dan murid. Penyelidik mendapati penglibatan antara peserta guru dan murid-murid mendorong kepada berlakunya penukaran kod. Ini kerana sekiranya murid-murid tidak faham akan isi pembelajaran, mereka memaksa guru tersebut menukar kod supaya mereka ingin tahu dan mahu menghayati apa yang diajar oleh guru. Pada pihak guru pula, mereka menggalakkan sikap ingin tahu murid-murid tersebut dan menyampaikan pelajaran dengan menggunakan bahasa yang difahami oleh anak muridnya.

Pada situasi tersebut, maklumlah berlakunya penukaran kod. Secara umumnya, sebagai seorang guru, beliau mesti memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan pelajaran dengan apa jua cara, seperti yang diingini oleh murid-murid. Ini membantu murid-murid memahami isi pelajaran dengan lebih mudah dan melancarkan proses pembelajaran. Misalnya,

UJ84 G : *Nalla vegama*. Ok, thank you. All the living things can move.

UJ85 M : Teacher, *aapadina*?

UJ86 G : *uyiruLLa porutkalum oru idathhiliruethu maRRoru idaththiRku pogum ManitharkaLai pole*, animals can move from one place to another place.

(T3 UJ84 – UJ86)

Dalam UJ84, sampel mengatakan “**All the living things can move**”, tetapi seorang murid tidak faham apa yang dimaksudkan oleh gurunya dan murid tersebut menanyakan perkara tersebut dalam bahasa Tamil kepada gurunya, dalam UJ85. Maka, sampel kajian sedar bahawa murid tersebut tidak fahami isi pelajaran tersebut dan beliau memberi penerangan dengan jelas dalam bahasa Tamil mengenai topik tersebut. Jadi, jelas membuktikan bahawa dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran penglibatan guru dan murid mendorong kepada fenomena penukaran kod.

4.5.7 Pengaruh Mata Pelajaran Lain

Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan kepada objektif dan tujuan kajian ini. Justeru, sampel kajian yang dipilih adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sains. Namun begitu, ada antara mereka yang mengajar mata pelajaran lain terutama menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Perkara ini dititikberatkan oleh

penyelidik kerana pengaruh mata pelajaran lain juga salah satu faktor pendorong kepada penukaran kod. Ada sampel mengajar mata pelajaran bahasa Tamil, Sivik, Kajian Tempatan dan Kemahiran Hidup dalam bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil. Ini juga boleh mempengaruhi sampel kajian lebih kerap menggunakan bahasa Tamil dalam pengajaran mata pelajaran Sains. Keadaan ini tidak boleh dielakkan oleh sampel kajian sendiri kerana perkara ini sudahpun menjadi kebiasaan dalam kalangan mereka.

4.5.8 Latar Belakang Pendidikan Sampel

Selain daripada faktor-faktor disebut di atas, latar belakang pendidikan sampel kajian juga mempengaruhi perlakuan kod. Seperti yang dibincangkan dalam jadual 3.1, kesemua sampel kajian adalah pelepasan maktab perguruan. Bahasa komunikasi sampel A, B, C dan F di maktab adalah bahasa Tamil. Ini kerana mereka menamatkan pengajian mereka dalam jurusan bahasa Tamil. Manakala, bahasa komunikasi sampel D ialah bahasa Melayu dan sampel E pula bahasa Inggeris. Setelah meninjau data kajian, penyelidik mendapati sampel dari jurusan bahasa Tamil lebih kerap menukar kod ke bahasa Tamil berbanding dengan sampel guru bukan dari jurusan bahasa Tamil. Ini kerana, sampel daripada jurusan bahasa Tamil lebih kerap menggunakan bahasa Tamil dalam komunikasi harian. Tambahan pula, mereka juga tidak dikecualikan dari mengajar mata pelajaran bahasa Tamil. Maka, mereka lebih kerap menggunakan bahasa Tamil berbanding dengan bahasa lain terutama bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran.

4.6 Fungsi-fungsi Penukaran kod.

Selain mengkaji faktor-faktor penukaran kod, pengkaji juga mengesan fungsi-fungsi penukaran kod berdasarkan kepada data kajian. Setelah menganalisis data kajian yang diperolehi dari rakaman, penyelidik mengesan enam jenis fungsi penukaran kod. Ianya adalah seperti memberi pujian, menggalakkan respons dari murid, memberi penerangan, mendapatkan kepastian dari murid, memberi penekanan dan memberi arahan.

4.6.1 Memberi Pujuan atau Galakan.

Setiap insan di muka bumi ini berharap mereka perlu dipuji oleh orang lain. Apatah lagi murid-murid yang gembira sekiranya mereka dipuji oleh ahli keluarga, guru maupun orang luar. Hakikat ini tiadalah luar biasa di dalam bilik darjah terutama sewaktu pengajaran dan pembelajaran. Seperti yang diketahui oleh semua, murid-murid berasa gembira dan bersemangat sekiranya mereka dipuji oleh guru. Maka, guru menukar kod sewaktu memuji murid-murid. Data menunjukkan penukaran kod yang berfungsi memberi pujuan telah dikesan dalam kalangan sampel kajian. Contoh berikut menerangkan penukaran kod dengan fungsi pemberian pujuan.

UJ67 G : Questions number 2, fuels like petroleum, coal, and natural gas are renewable energy sources. True or false? Sanggari you **JAWAB**.

UJ68 M : No sir, it's false. They are non-renewable energy sources.

UJ69 G : *sariyana vidai. VaaLtugL, Sanggariku kaitattal kudungga.
nalaiku parisu kodukiren.*

(T7 UJ 67 – UJ 69)

Contoh di atas menerangkan, sampel guru menanyakan soalan berupa kuiz kepada murid-murid dan murid yang bernama Sanggari telah menjawab soalan kuiz tersebut dengan betul. Maka guru memuji murid tersebut dalam bahasa Tamil (UJ69) yang membawa maksud, “**jawapan yang betul. Tahniah, beri tepukan kepada Sanggari. Esok saya akan beri hadiah.**” Seterusnya penyelidik menyenaraikan beberapa contoh yang lain ,

T3 UJ13 G : Ok, *naaNru*. What else?

(Ok, tahniah)

T3 UJ83 G : Very good. *avanuku kaitaatal kodunga.*

(Tepuk tangan untuk dia)

T4 UJ32 G : Ok, *rendu perukum vaaLtugL. AvanggaLuku kaitattal
kodungaL.*

(Tahniah untuk dua orang. Berikan tepuk tangan untuk mereka)

4.6.2 Menggalakkan Respons Daripada Murid

Proses pembelajaran adalah meliputi komunikasi dua hala. Seorang guru yang ingin membina suasana yang kondusif di dalam bilik darjah akan sering menyatakan murid-murid untuk mendapatkan tindak balas dan pendapat mereka. Selain itu, guru juga memahami perasaan murid serta memberikan dorongan untuk membina suasana interaksi yang positif di dalam bilik darjah. Dalam keadaan ini, interaksi guru dengan murid menjadi dua hala dan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan (Ragbir Kaur, 2007). Justeru, sewaktu guru mengendalikan pengajaran dalam kelas, beliau mungkin menggalakkan respons dari murid-murid seperti memanggil nama atau menudung jari lalu mengajukan soalan. Kaedah ini membuatkan murid-murid memberi sepenuh perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil penganalisisan, penyelidik mendapati sampel menukar kod sewaktu menggalakkan respons dari murid. Misalnya,

UJ52 G : Ok, we continue our lesson. Ravi please stand up. There are many things that use batteries to work. Please give me an example?

UJ53 M : ()

UJ54 G : Ravi can you understand my question or not?

UJ55 M : (). *Enakku keLvi purila* teacher.

UJ56 G : / Ok, *batteri kondu payanpaduthum porutkaLai kurippidu*.

UJ57 M : Oh, *kadikaram*, radio, *kaadi*, handphone,

(T5 UJ 52 – UJ 57)

Contoh di atas menerangkan, sampel menanyakan soalan dalam bahasa Inggeris yang berkaitan dengan topik bateri kepada murid yang bernama Ravi. Tetapi murid tersebut tidak boleh menjawab kerana tidak faham akan soalan tersebut. Maka, sampel terpaksa menanyakan soalan tersebut dalam bahasa Tamil supaya menggalakkan respons daripada murid tersebut. Setelah soalannya ditanyakan dalam bahasa Tamil, murid tersebut memberikan jawapan yang betul. Adakalanya, sampel menggunakan cara yang lain bagi menggalakkan respons dari murid. Contohnya,

UJ72 M : Teacher why...battery....insize...(<<)

UJ73 G : What? I can't hear you. ***Paravala Tamille kelungga***

UJ74 M : Teacher ***yen battery perusavum sinnatavum eruku.***

UJ75 G : ***Nalla kelvi kettaru, avaruku paratu terivingga.*** Very good Agilan.

(T5 UJ 72 – UJ 75)

Situasi di atas menerangkan seorang murid menanyakan soalan kepada sampel (UJ 72). Namun soalan yang ditanyakan oleh murid tersebut kurang jelas kerana dia tidak fasih dalam penggunaan bahasa Inggeris. Maka, sampel menyuruh murid tersebut menanyakan soalan dalam bahasa Tamil. Seterusnya murid tersebut menanyakan soalannya dalam bahasa Tamil dan sampel juga menjawab dalam bahasa Tamil. Sampel berbuat demikian untuk menggalakkan respons dari murid tersebut. Sekiranya sampel tidak memberi peluang kepada murid tersebut untuk menggunakan bahasa Tamil, sudah tentunya murid tersebut

tidak mengambil bahagian dalam pengajaran dan pembelajaran. Jadi jelas membuktikan bahawa, sampel menukar kod semata-mata berfungsi sebagai menggalakkan respons dari murid.

4.6.3 Memberi Penerangan

Seterusnya penyelidik membincang bagaimana penukaran kod berfungsi untuk memberi penerangan. Sampel didapati menukar kod semasa memberi penerangan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kadangkala murid-murid sukar untuk memahami isi pelajaran. Jadi sampel terpaksa menukar kod bagi memberi penerangan tentang isi pelajaran tersebut. Contoh-contoh di bawah menunjukkan sampel menukar kod dari bahasa Inggeris ke bahasa Tamil untuk memberi penerangan tentang isi pelajaran.

T4 UJ54 G : Different animals eat different types of food. *Sila mirugaganggaL thaavara vakaikaLai matum thinnum. Ennum sila mirugaganggL matra mirugaganggaLai vettaiyadi tinnenum, sila mirugaga elaitLaikaLaiyum mattra piranikaLaiyum tinnenum.*

(Ada haiwan hanya makan tumbuh-tumbuhan sahaja, ada pula haiwan memburu haiwan yang lain untuk mendapatkan makanan dan ada pula haiwan makan tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang lain)

T3 UJ71 G : Yes, living things need food, air and water to live. Without this they will die. *Engga yaaru saapadama, tannir kudikama, suvasikama uyir vaalra? Enggita sollunga parpom?.... Ha....so uyirvaala unavu, neer, kaatru mika avasiyam. ManitharkaLai polave mirukanggalum thavarangalum ithanai payan paduththi uyir vaal kirathu.*

(Sebagai manusia kita tidak boleh hidup tanpa makanan, minuman dan bernafas. Jadi makanan, minuman dan bernafas adalah penting untuk hidup bernyawa. Seperti manusia, binatang dan tumbuhan juga memerlukan makanan, air dan bernafas untuk hidup)

4.6.4 Memberi Penekanan Kepada Perkara Penting

Sampel juga didapati menukar kod untuk memberi penekanan kepada sesuatu ujaran mahupun isi pelajaran. Dalam ujaran di bawah, sampel memberi penekanan kepada perkataan ‘**Explosive mechanism**’. Dalam ujaran yang sama sampel juga mengulangi perkataan tersebut dalam bahasa Tamil ‘**vedithu paravuthal**’ dan diulangi kali kedua ‘**vedithu sithari paravuthal**’ dengan tujuan memberi penekanan. Selain itu guru juga memastikan isi pelajaran tersebut difahami oleh murid atau tidak dengan menanyakan soalan.

T8 UJ67 G : Ok, now we goin to last agent.... Is....

T8 UJ68 MM : Explosive mechanism..

T8 UJ69 G : Yes, explosive mechanism. What we call in tamil...*vediththu paravuthal....vediththu sithari paravuthal, sariyaa*. Explosive means *vedikkiRathu*. What else ?

4.6.5 Memberi Arahan, Peringatan atau Menegur.

Selain fungsi-fungsi yang disebut di atas, sampel juga menukar kod semasa memberi arahan mahupun menegur murid-murid. Sampel didapati menukar kod sewaktu mengarahkan murid-murid untuk membuat sesuatu perkara mahupun memberi peringatan tentang sesuatu yang berkaitan dengan pelajaran. Adakalanya, sampel menukar kod semasa menegur murid-murid. Kadangkala sikap murid-murid yang suka mengganggu aktiviti pengajaran dan pembelajaran membuatkan guru-guru terpaksa menegur murid yang berkaitan dengan menukar kod. Situasi ini akan memperlihatkan autoriti guru di mana perananya sebagai guru yang dapat mengawal keadaan kelas dan melancarkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Berikut adalah beberapa contoh mengenai penukaran kod yang berfungsi sebagai memberi arahan.

T4 UJ77 G :I will give homework now. *Vituku poitu ungaLuku piditha miruganggLin padangkaLai vetti konduvangga* I will check on tomorrow.*NaaLaiku kandipa kondutu varanum.* Ok, va?

(bawa gambar-gambar binatang yang kamu suka pada hari esok...pastikan esok kamu mesti membawa gambar-gambar tersebut)

Contoh di atas menerangkan guru menukar kod ke bahasa Tamil semasa memberi arahan tentang kerja rumah. Ini kerana, sampel berharap dengan menukar kod murid-murid akan jelas dengan arahan yang diberikan. Keadaan ini membolehkan murid-murid menjalankan tugas yang diarahkan dengan betul tanpa kekeliruan. Sampel juga menukar kod semasa menegur murid-murid yang suka mengganggu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kaedah menegur juga dilakukan untuk mengawal kelas dan membuatkan murid-murid menumpukan perhatian terhadap pelajaran.

<<< (Murid bermain)

T7 UJ30 M : *Naa ella sir, evanthan pensile kuttikite erukan.*
(Saya tidak bising cikgu, dia yang mengganggu saya)

T7 UJ31 G : *Peesatha..rendu perumthan vilayandinga. Ennorutadava pesiningga adithan vilum.* Ok, class, *ethule vitom..?*
(Diam, saya tahu kamu berdua main. Kalau buat sekali lagi saya akan pukul kamu)

Situasi di atas menerangkan murid-murid bermain sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Maka, sampel menegur murid-murid tersebut supaya memberi perhatian terhadap pelajaran dan tidak berbual semasa guru mengajar. Sampel menegur murid-murid tersebut dengan menukar kod ke bahasa Tamil. Ini kerana, dengan menukar kod ke bahasa Tamil sampel berharap murid-murid akan berdiam dan menumpukan perhatian serta tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran.

4.7 Kesimpulan

Secara umumnya dalam bab ini, pengkaji telah mengkaji peringkat penukaran kod, pola-pola penukaran kod, faktor-faktor serta fungsi-fungsi penukaran kod. Setelah menganalisis data kajian, pengkaji mendapati sampel lebih kerap menukar kod ke bahasa Tamil berbanding dengan bahasa Melayu. Penukaran kod lebih kerap berlaku pada peringkat ayat iaitu sebanyak 192 ayat bahasa Tamil dan 9 ayat bahasa Melayu. Manakala, penukaran kod yang paling kurang dikenal pasti dari segi frasa iaitu sebanyak 19 frasa bahasa Tamil dan 7 frasa bahasa Melayu.

Seterusnya, penyelidik mengesan tujuh jenis pola penukaran kod. Pola penukaran kod dikesan pada semua peringkat. Pada peringkat perkataan, sebanyak enam jenis pola dikesan; peringkat klausa dan ayat masing-masing lima jenis pola dikesan, manakala peringkat frasa pula sebanyak tiga jenis pola sahaja dikesan. Pola jenis Bahasa Inggeris ke Bahasa Tamil (B2 → B3) kerapkali berlaku pada semua peringkat penukaran kod.

Pengkaji juga mengesan lapan faktor yang menyebabkan sampel menukar kod. Antaranya ialah kebiasaan, sikap sampel kajian, mengajuk ujaran, kosa kata, topik atau isi kandungan pelajaran, penglibatan antara peserta, pengaruh mata pelajaran lain dan latar belakang sampel. Selain mengkaji faktor-faktor penukaran kod, pengkaji juga mengesan fungsi-fungsi penukaran kod. Sebanyak enam jenis fungsi penukaran kod dikesan. Ianya adalah seperti memberi pujian, menggalakkan respons dari murid, memberi penerangan, memberi penekanan, dan memberi arahan. Faktor-faktor dan fungsi-fungsi penukaran kod yang disebut di atas telah dibincangkan dengan lebih terperinci dengan memberi contoh-contoh yang sesuai dan relevan dari data kajian.